

30 JUL 2002

Indon-Pekerja/I

300,000 PEKERJA INDONESIA MUNGKIN KEMBALI KE MALAYSIA

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 30 Julai (Bernama) -- Kira-kira 300,000 pekerja tanpa izin Indonesia yang dihantar pulang secara berperingkat dari Malaysia hingga pertengahan Ogos ini, mungkin kembali semula ke negara itu sebaik sahaja mereka memperolehi permit kerja, kata seorang pegawai Kementerian Buruh hari ini.

Katanya, dianggarkan 450,000 pekerja tanpa izin telah mengambil kesempatan daripada program pengampunan yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dan daripada jumlah ini, kira-kira 300,000 yang telah sekian lama bekerja di negara itu ingin kembali semula kerana tertarik dengan punca rezeki yang terdapat di sana.

"Sudah tentulah mereka hanya boleh pergi semula setelah memperolehi dokumen kerja yang sah," kata timbalan ketua Jabatan Buruh dan Transmigrasi Sulawesi Selatan Sjahrir Tadjuddin yang dipetik oleh rangkaian berita portal tempatan, detikcom.

Katanya keghairahan untuk kembali bekerja di Malaysia berpunca daripada permintaan majikan mereka yang sanggup membiayai pemergian semula mereka dan kos memproses dokumen yang diperlukan.

"Kini, di Nunukan sahaja, pos Jabatan Imogresen telah mengeluarkan kira-kira 1,000 pasport baru setiap hari kepada pemohon yang terdiri daripada pekerja yang telah dihantar pulang," katanya.

Beliau berkata pos berkenaan menerima tidak kurang 2,000 permohonan setiap hari bagi mendapatkan dokumen perjalanan daripada mereka yang ingin memohon permit untuk bekerja di Malaysia.

Nunukan yang terletak tidak jauh dari Tawau dan berkongsi sempadan dengan Kalimantan Timur, dibanjiri beribu-ribu pekerja tanpa izin Indonesia sejak dua hari lepas berikutan gerakan yang dilancarkan oleh pihak berkuasa Malaysia untuk menahan mereka.

Khamis ini, Malaysia akan mula menguatkuasakan undang-undang baru imigresen yang lebih keras, yang memperuntukkan hukuman mandatori penjara selama enam bulan dan kemungkinan mengenakan enam kali sebatan terhadap mereka yang masuk secara haram ke negara itu serta pihak yang melindungi pendatang tanpa izin.

Sebelum ini, mereka yang melakukan kesalahan itu hanya menghadapi hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda tidak lebih RM10,000. Bagaimanapun, lazimnya, mahkamah hanya mengenakan hukuman denda bagi kesalahan itu.

Langkah tegas itu diambil berikutan tindakan ganas para pekerja Indonesia di sebuah syarikat tekstil di Nilai, Negeri Sembilan pada 17 Jan tahun ini.

Kejadian itu juga mendorong Malaysia yang mempunyai kira-kira setengah juta pekerja Indonesia, menghadkan jumlah mereka dan menetapkan penglibatan mereka dalam sektor-sektor tertentu sahaja.

Pada Februari tahun ini, kabinet Malaysia memutuskan bahawa pengambilan pekerja asing hanya dibuat berdasarkan perjanjian antara kerajaan dan kerajaan.

Melalui pendekatan ini, adalah dijangka semua pihak dapat mengelak timbulnya pelbagai masalah termasuk penipuan terhadap pekerja asing.

Minggu lepas, Menteri Luar Hassan Wirayuda berikrar Indonesia akan hanya menghantar semula pekerja yang pulang ke negara ini ke Malaysia selepas mereka diberi latihan sewajarnya dan memiliki dokumen perjalanan serta permit kerja yang sah.

Katanya, isu pekerja Indonesia akan dibawa dalam perbincangan peringkat tinggi antara Presiden Megawati Sukarnoputri dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan Perdana Menteri Malaysia itu ke Bali pada 7 dan 8 Ogos ini.

--BERNAMA
OPP SP MAI